

“MENYANTUNI UMAT MEMBAWA RAHMAT”

14 September 2018/4 Muharram 1440H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْهِجْرَةَ طَرِيقًا إِلَى الْفَوْزِ وَالنَّجَاةِ. نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ جَلَّ وَعَلَا، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ التَّقْوَى فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ﴾

SIDANG JEMAAH YANG BERBAHAGIA

Marilah kita bertakwa kepada Allah ﷻ dengan mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita bersyukur kepada Allah ﷻ kerana kita dapat lalui Tahun 1439 hijrah dengan aman dan damai serta dapat melaksanakan perintah Allah ﷻ dengan jayanya. Maka bersempena tahun baharu hijrah ini, mimbar ingin menarik perhatian para jemaah sekalian bagi membicarakan berkenaan tajuk “MENYANTUNI UMAT MEMBAWA RAHMAT.”

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN

Kini kita telah melangkah masuk ke tahun baru 1440 hijrah dan meninggalkan tahun lalu dengan pelbagai kenangan dan pengalaman. Sesungguhnya hijrah Rasulullah ﷺ dari Kota Mekah ke Kota Madinah adalah satu rancangan strategik dalam menyusun strategi bagi mempertahankan agama Allah ﷻ, menjamin keselamatan dan kemenangan Islam, serta memelihara nilai-nilai murni Islam untuk jangka panjang. Hijrah Rasulullah ﷺ menandakan

titik transformasi dalam kemajuan umat Islam dan melahirkan satu sistem hidup bermasyarakat yang sempurna. Ia menyaksikan transformasi kekuatan umat Islam daripada satu umat yang lemah kepada satu umat yang mantap, bertenaga dan berkemampuan tinggi.

Islam telah berjaya membangunkan sebuah masyarakat dengan sistem pemerintahan tersendiri yang menjamin keselamatan umat Islam serta bukan Islam. Satu tamadun dan peradaban yang tinggi telah dapat dilahirkan dalam satu tempoh yang singkat sehingga Islam menjadi agama kedua terbesar pada hari ini dengan populasi dianggarkan seramai 1.8 bilion orang atau 24% daripada jumlah penduduk dunia.

Namun begitu, kita tidak harus berbangga dan selesa dengan statistik populasi Islam sahaja. Realiti hari ini umat Islam menjadi masyarakat yang ditindas disebabkan kelemahan dari segi pendidikan, ekonomi dan politik. Sebahagian kita leka dengan keseronokan dan hiburan semata-mata tanpa mempedulikan nasib ummah. Sebahagian yang lain pula semakin meninggalkan kehidupan beragama dalam diri sedangkan Islam jualah yang akan memandu mereka kepada kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Ingatlah, penciptaan manusia sebagai khalifah di bumi ini adalah atas dasar matlamat dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebelum kita dikembalikan ke alam akhirat yang kekal, penciptaan ini bukan sia-sia sahaja sebagaimana Allah ﷻ mengingatkan melalui surah al-Mukminun ayat 115:

﴿أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ﴾

Maksudnya: “Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu sia-sia sahaja? Dan kamu tidak akan dikembalikan kepada Kami (di alam akhirat)”

Oleh itu, kita semua ada tanggungjawab untuk dilaksanakan, antara tanggungjawab tersebut ialah membangunkan umat Islam untuk maju dan berjaya. Kunci utamanya ialah dengan melaksanakan kehidupan menurut al-Quran dan al-Sunnah sepertimana yang telah dipimpin oleh Rasulullah ﷺ. Ingatlah pesanan Baginda ﷺ kepada kita melalui hadis riwayat Imam Malik berikut:

”تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُم بِهِمَا : كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ ﷺ”

Maafhumnya: “*Aku telah meninggalkan pada kamu sekalian dua perkara yang kamu tidak akan sesat selagi mana kamu berpegang teguh kepada keduanya, iaitu : Kitab Allah (al-Quran) dan Sunnah Nabi-Nya ﷺ*”

Dapat difahami, umat Islam sekarang yang tidak disegani oleh musuh-musuhnya, menjadi umat yang tertindas, serta menjadi bahan permainan pihak lain, antaranya adalah akibat tidak menurut secara menyeluruh al-Quran dan al-Sunnah. Pada hari ini, tuntutan hijrah bukan lagi sekadar perpindahan dari satu tempat ke satu tempat yang lain tetapi ianya adalah suatu transformasi atau perubahan minda dan budaya hidup yang berteraskan ajaran Islam yang sebenar-benarnya.

SIDANG JEMAAH YANG BERBAHAGIA,

Konsep hijrah juga menuntut agar kita sentiasa berusaha mewujudkan kehidupan bermasyarakat yang harmoni dan sejahtera seperti yang dilakukan oleh Rasulullah ﷺ di Madinah sekalipun dalam kepelbagaian agama, bangsa dan keturunan. Baginda ﷺ telah mengikat hubungan 'Aus dan Khazraj dalam satu persaudaraan dan berdamai atas nama Islam, sedangkan sebelum itu mereka bermusuhan sekian lama. Gabungan kaum 'Aus dan Khazraj ini pula dinamakan sebagai kaum Ansar yang menjadi pelindung kepada kaum Muhajirin yang berhijrah bersama-sama Rasulullah ﷺ. Kaum Ansar dan Muhajirin ini juga disatukan atas nama ukhuwah Islam.

Maka dalam menyantuni kepelbagaian masyarakat hari ini, kita perlu memahami kekuatan dan kelemahan masing-masing dan menyantuni mereka dengan jiwa muafakat dan toleransi yang tinggi. Setiap manusia berhak untuk disantuni walaupun berbeza fahaman dan pegangan. Kesejahteraan negara menuntut keikhlasan dan komitmen kita dalam memastikan semangat perpaduan dan kesefahaman terus segar. Bahkan ia dibina di atas landasan kesederhanaan, kesantunan dan kesatuan dengan satu matlamat ke arah kemajuan dan pembangunan seimbang.

SIDANG JEMAAH YANG BERBAHAGIA,

Islam adalah agama yang membawa rahmat kepada seluruh manusia tanpa mengira pangkat, darjat, keturunan dan bangsa. Kesempurnaan dan kelestarian Islam amat terserlah melalui layanan terhadap semua makhluk Allah ﷻ di muka bumi ini menerusi prinsip *Maqasid Syariah* yang meraikan kesemua sudut kehidupan dan keadaan. Kehebatan Islam lebih dirasai oleh setiap yang mempercayai, menyakini dan beriman dengan Allah ﷻ.

Islam adalah satu-satunya agama yang diiktiraf oleh Allah ﷻ. Maka, menjadi tanggungjawab setiap muslim untuk berusaha membawa agama mulia ini agar dapat difahami dengan baik oleh semua manusia lantas menyebabkan mereka berminat untuk mengenali Islam dengan lebih dekat. Kita bertanggungjawab dalam membina imej Islam yang lebih harmoni tanpa menggadaikan prinsip-prinsip asas, membawa naratif Islam yang lebih toleran tanpa mengorbankan ketegasan dalam perkara-perkara pokok yang tidak boleh diambil mudah. Sikap keterbukaan untuk menerima kepelbagaian haruslah diusahakan agar umat Islam dapat membentuk satu umat yang benar-benar bersaudara dengan penuh kasih sayang. Mudah-mudahan dengan itu, kita

menjadi umat terbaik (خَيْرَ أُمَّةٍ) di negara yang baik dan mendapat keampunan Allah (بَلَدَةٍ طَيِّبَةٍ وَرَبِّ غَفُورٍ) سُحُبًا عَلَيْهِ السَّلَامُ.

SIDANG JEMAAH YANG BERBAHAGIA,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin menekankan beberapa intipati penting yang perlu diberi perhatian serius iaitu:

Pertama: Peristiwa hijrah merupakan titik tolak kepada tranformasi umat yang perlu sentiasa diambil iktibar dan dilaksanakan ke arah melakar kecemerlangan dunia dan akhirat. □

Kedua : Menyantuni kepelbagaian masyarakat hari ini dengan memahami kekuatan dan kelemahan masing-masing menerusi jiwa muafakat dan toleransi.

Ketiga : Islam adalah agama yang membawa rahmat kepada seluruh manusia yang meraikan kesemua sudut kehidupan dan keadaan

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿وَمَنْ يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَافِقًا كَثِيرًا وَسَعَةً وَمَنْ يَخْرُجْ مِنْ بَيْتِهِ مُهَاجِرًا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ يُدْرِكُهُ الْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا﴾

Maksudnya: “Dan sesiapa yang berhijrah di jalan Allah, nescaya ia akan dapati di bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur; dan sesiapa yang keluar dari rumahnya untuk berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian ia mati, maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنُؤْمِنُ بِهِ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْخَلَائِقِ وَالْبَشَرِ. اَللّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَآمِرًا: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ بْنُ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْاَمْوَاتِ. اَللّٰهُمَّ اَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلٰى السَّلَاطِيْنِ الْكِرَامِ، وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِيْنَ الْعِظَامِ،
الَّذِيْنَ قَضَوْا بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوْا يَعْدِلُوْنَ. اَللّٰهُمَّ اَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِيْنَةَ وَالسَّلَامَةَ
وَالْعَافِيَةَ عَلٰى مَلِكِنَا، كِبَاوَه دُولِيْ يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوْكَ بَكِيْنْدَا يَغِ دَقِرْتُوَان
اكوغ كليما بلس.

سلطان محمد كليما وعلى كُلِّ قَرَاتِهِ أَجْمَعِينَ

أَصْلَحَ اللهُ مُلْكَهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيْضَ لَهُ عَدْلَهُ وَبَلَغَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ
الشَّرْعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلِوُزَرَائِهِ سَيِّلاً وَمِنْهَاجاً. وَارْزُقْهُمْ التَّوْفِيقَ لِكُلِّ خَيْرٍ
وَاجْعَلْهُمْ سِرَاجاً وَهَّاجاً. اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ طَيِّبَةً اَمِنَةً
مُطْمَئِنَّةً رَاحِيَةً.

اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ، وَدَمِّرْ اَعْدَائِكَ اَعْدَاءَ
الدِّيْنِ، اَللّٰهُمَّ اَهْلِكِ الْكُفْرَةَ وَالطُّغَاةَ وَالظَّالِمِيْنَ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ، اَللّٰهُمَّ اَنْصُرْ اِخْوَانَنَا
فِي كُلِّ مَكَانٍ، وَاَنْصُرْهُمْ عَلٰى عَدُوِّكَ وَعَلٰى عَدُوِّهِمْ، اَللّٰهُمَّ اَجْمَعْ كَلِمَتَهُمْ،
وَوَحِّدْ صُفُوْفَهُمْ، يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

Ya Allah, Ya Tuhan Kami, Kami memohon agar dengan rahmat dan perlindunganMu, Negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan,

Tanamkanlah rasa kasih sayang diantara kami,kekalkanllah perpaduan di kalangan kami, semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, makmur dan selamat sepanjang zaman.

﴿رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ﴾

﴿رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ﴾

﴿رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ﴾

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ
فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.